

Geografi Tingkatan 1 (Latihan ulangkaji)
Bab 8-13

1. Antara berikut yang manakah ciri-ciri kawasan berpenduduk padat?
- I Tanah pamah yang rata
 - II Kemudahan asas lengkap
 - III Terletak di kawasan pedalaman
 - IV Kepadatan penduduk antara 100 – 150 orang sekilometer persegi

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

2. Jenis kegiatan ekonomi yang dapat dikaitkan dengan kawasan penduduk jarang ialah

A perindustrian C perdagangan
B pembalakan D perniagaan

3. Apakah kegiatan ekonomi yang menyebabkan bandar dalam pernyataan di bawah berpenduduk padat?

- Bayan Lepas (Pulau Pinang)
- Shah Alam (Selangor)

A Pertanian C Perindustrian
B Pendidikan D Perkhidmatan

4. Apakah jenis kegiatan ekonomi yang mempengaruhi petempatan di luar bandar?

I Penternakan
II Perdagangan
III Kewangan
IV Penerokaan sumber mentah

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

5. Berdasarkan maklumat di bawah ini, nyatakan jenis pola petempatan tersebut.

- Rumah atau bangunan dibina berjauhan
- Kelihatan tidak seragam

A Pola petempatan berjajar
B Pola petempatan berpusat
C Pola petempatan berselerak
D Pola petempatan berkelompok


6. Apakah persamaan factor yang mempengaruhi petempatan di kedua-dua kawasan dalam pernyataan di bawah.

- Kerteh (Terengganu)
- Miri (Sarawak)

- A Pusat pentadbiran
B Jenis kegiatan ekonomi
C Kos bahan api rendah
D Institusi pendidikan tinggi
7. Negara Asia Tenggara yang manakah dapat dikaitkan dengan foto di bawah?



- | | |
|-------------|--------------|
| I Indonesia | III Myanmar |
| II Vietnam | IV Filipina |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
8. Berdasarkan peta di bawah, apakah sungai yang bertanda X?



Peta: Asia Tenggara

- | | |
|--------------------|---------------------|
| A Sungai Musi | C Sungai Mekong |
| B Sungai Irrawaddy | D Menam Chao Phraya |

9. Antara berikut, yang manakah kawasan berpenduduk padat di Asia Tenggara?

- I Bangkok
- II Pulau Jawa
- III Utara Myanmar
- IV Pedalaman Kalimantan

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

10. Pilih maklumat yang benar mengenai Danau Toba.

- I Pusat pelancongan
- II Terletak di Pulau Jawa
- III Terkenal dengan padi sawah
- IV Tasik vulkanik terbesar di dunia

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

11. Antara berikut, yang manakah merupakan kawasan tadahan yang perlu dipelihara untuk memastikan bekalan air berterusan?

- | | |
|--------------|------------------|
| A Sungai | C Pinggir pantai |
| B Kaki bukit | D Tanah tinggi |

12. Antara berikut, apakah kesan krisis air di luar bandar?

- I Migrasi keluar penduduk
- II Iklim dan cuaca berubah
- III Hasil pertanian berkurangan
- IV Kos penghantaran sumber air meningkat

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

13. Antara berikut, yang manakah merupakan jenis sisa domestik bahan organik?

- | | |
|----------|----------------|
| I Kertas | III Plastik |
| II Kaca | IV Tulang ikan |

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

14. Pilih maklumat yang benar mengenai sisa bahan organik.

- I Sukar dihapuskan
- II Sumber semula jadi
- III Dari sumber haiwan dan tumbuhan
- IV Ciri fizikal dalam bentuk cecair

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

15. Apakah langkah yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik?

- I Menghukum pesalah
- II Menghasilkan baja kompos
- III Mengasingkan sisa pepejal
- IV Membuang sampah ke tapak pelupusan

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |